

**Article Info:**

Received Date: 27 September 2020

Accepted Date: 21 December 2020

Published Date: 22 December 2020

Corresponding Author: onyzahany@gmail.com

## **Keberkesanan Adaptasi Konsep Identiti Budaya Dalam Mereka Bentuk Landskap di Kawasan Sekolah**

*Effectiveness of Adapting the Concept of Cultural Identity in Landscape Design in School Grounds*

**Hanizah Jukim<sup>1</sup>**

**Azlin Iryani Mohd Noor<sup>2</sup>**

**Abdul Aziz Zalay@Zali<sup>3</sup>**

Sekolah Menengah Kebangsaan Entabuan P/S 277, Tenom, Sabah, Malaysia<sup>1</sup>

Fakulti Seni, Komputeraan dan Industri kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
Tanjong Malim, Perak, Malaysia<sup>1,2,3</sup>

**To cite this article (APA):** Jukim, H., Mohd Noor, A. I., & Zalay@Zali, A. A. (2020). Effectiveness of Adapting the Concept of Cultural Identity in Landscape Design in School Grounds. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 8(2), 52-69. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol8.2.5.2020>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol8.2.5.2020>

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti keberkesanan adaptasi konsep identiti budaya setempat dalam reka bentuk landskap sekolah. Ini kerana ruang landskap merupakan salah satu elemen yang berpotensi untuk mewujudkan persekitaran sekolah yang kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran. Objektif kajian ini adalah untuk memahami konsep identiti budaya setempat untuk diadaptasikan pada ruang landskap sekolah dan menilai keberkesanan adaptasi identiti budaya dalam reka bentuk landskap. Kajian ini dijalankan secara diskriptif menggunakan kaedah kualitatif dengan melibatkan kajian kes di sebuah sekolah. Kajian ini melibatkan 20 orang peserta termasuk lima orang guru, lima orang komuniti dan 10 orang murid. Data dikumpul sewaktu kajian lapangan dijalankan dengan menggunakan kaedah pemerhatian dan temubual. Data dianalisis secara manual melalui dokumentasi proses pembangunan landskap. Seterusnya, data dikategorikan mengikut tema yang telah dibangunkan selari dengan objektif kajian. Dapatkan kajian menunjukkan adaptasi konsep identiti budaya dalam membangunkan landskap di sekolah memberi konsep yang baru dalam reka bentuk landskap sekolah. Seterusnya, kolaborasi antara guru dan peserta dalam kajian ini berjaya mengadaptasikan replika alat muzik kulundi, perisai, motif anyaman dan ukiran kayu pada ruang landskap sekolah. Kesimpulannya, kajian ini dapat memberi panduan kepada guru dan masyarakat untuk merekabentuk landskap yang berkONSEPkan identiti budaya setempat.

**Kata kunci:** Adaptasi, keberkesanan, Landskap sekolah, Budaya, Reka bentuk

### **ABSTRACT**

*This study aims to identify the effectiveness of adaptation of the concept of local cultural identity in school landscape design. This is because landscape space is one of the potential elements to create a school environment conducive to teaching and learning. The objective of this study is to understand the concept of local cultural identity to be adapted to the school landscape space and evaluate the effectiveness of cultural identity adaptation in landscape design. This study was conducted descriptively using qualitative methods involving case studies in a school. The study involved 20 participants including five teachers, five community members and ten students. Data were collected during field studies using observational and interview methods.*

*Data were analyzed manually through documentation of landscape development process. Next, the data were categorized according to the themes that have been developed according to the objectives of the study. The findings of the study show that the adaptation of the concept of cultural identity in developing the landscape in the school gives a new concept in the design of the school landscape. Next, the collaboration between teachers and participants in this study successfully adapted replicas of kulundi musical instruments and shields in the school landscape space. In conclusion, this study can provide guidance to teachers and the community to design a landscape with the concept of local cultural identity.*

**Keywords:** Adaptation, effectiveness, School landscape, Culture, Design

## PENGENALAN

Secara umumnya identiti mempunyai hubungan dengan kehidupan masyarakat dalam sesuatu tempat. Menurut Abdul Halim (2007) identiti berkait rapat dengan individu dan persekitaran sosial masyarakat yang cuba memperkenalkan identiti kumpulan tersebut. Identiti tidak hanya sekadar pandangan berteraskan masa silam yang bersifat peningalan dan warisan budaya. Ia juga berteraskan masa hadapan yang melalui proses kreativiti dalam konteks perubahan budaya. Seterusnya, budaya merupakan satu cara hidup yang berkembang dan diwarisi dari generasi ke generasi. Menurut Herskovits (1948) dalam Saidatul Nornis (2013) kebudayaan adalah sebagai sesuatu yang bersifat turun-temurun daripada satu generasi ke generasi lain, yang kemudiannya disebut sebagai *superorganic*. Dengan itu, Saidatul Nornis (2013) menyimpulkan bahawa kebudayaan itu bersifat abstrak, yakni tahap pengetahuan yang meliputi sistem idea atau gagasan yang terdapat dalam fikiran manusia. Dalam kehidupan masyarakat kebudayaan turut dilihat melalui aktiviti yang dijalankan oleh sesuatu kelompok masyarakat seperti dalam aktiviti perayaan dan adat sesuatu etnik.

Setiap kelompok masyarakat mempunyai budaya yang diwarisi secara turun-temurun. Warisan budaya merujuk kepada simbol-simbol yang bermakna dan mempunyai hubungan dengan individu dengan individu lain. Taylor (1974) dalam Cho Minsung dan Puteri Roslina (2016) mentakrifkan budaya sebagai “*That complex whole which includes knowledge, belief, art, morals, law, custom and any other capabilities and habits by man as a member of a society.*” Hal ini bermakan budaya dapat merangkumi pelbagai segala amalan dan warisan yang dimiliki oleh sekolopok masyarakat. Budaya turut mempunyai perubahan sesuai dengan keadaan dan norma masyarakat yang terkini. Hal ini turut dinyatakan oleh Julaihi Wahid (2014) bahawa budaya tidak statik, ia terus berkembang selaras dengan kemajuan masyarakat, ia menjadi satu sistem hidup yang terbentuk mengikut cara hidup masyarakat. Dengan budaya telah mengubah reka bentuk landskap dalam aspek pelandscapean bandar serta kawasan luar bandar. Perubahan ini sesuai dengan amalan dan latar belakang hidup masyarakat dalam kelompok tersebut.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Pelan Pendidikan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013-2025) telah menggariskan enam ciri utama yang menjadi asas aspirasi bagi setiap murid di negara ini. Setiap murid akan mempunyai pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian dan identiti nasional. Enam ciri ini adalah diperlukan oleh murid-murid untuk berupaya bersaing di peringkat global. Dengan itu, ciri identiti nasional perlu dipupuk bermula pada sekolah rendah melalui pengajaran dan pembelajaran dalam kelas dan pembelajaran luar bilik darjah. Melalui aktiviti yang berkaitan dengan seni dan budaya murid-murid dapat menghargai dan menghayati kepelbagaian budaya dan etnik yang terdapat di negara ini sejak dari sekolah rendah lagi. Seterusnya dalam mencapai aspirasi tersebut, Program Transformasi Sekolah telah menyokong aspirasi ini melalui matlamat yang digariskan dalam program ini iaitu mengukuhkan penglibatan ibu bapa, komuniti dan pihak berkepentingan demi kejayaan murid-murid. Sehubungan dengan itu, aktiviti yang berkaitan dengan seni dan budaya dapat mendorong murid-murid lebih memahami kepelbagaian budaya dan etnik melalui aktiviti dan program yang dijalankan di sekolah. Dengan itu, program pembangunan

landskap berkonsepkan identiti budaya setempat merupakan aktiviti yang melibatkan murid-murid mengenal dan meneroka latar belakang budaya dan etnik yang terdapat di Malaysia. Program pembangunan landskap ini akan mengambil kira konsep dan reka bentuk landskap yang terdapat dalam kawasan sekolah pada masa kini. Pembangunan sesebuah landskap di sekolah berbeza berdasarkan pada pengurus dan kemampuan kewangan sesuatu sekolah. Konsep dan tema yang terdapat dalam landskap turut mempunyai perbezaan dari aspek reka bentuk dan elemen yang terdapat dalam landskap. Perbezaan ini turut disokong oleh pengalaman pengurusan landskap dalam sebuah sekolah. Walaupun terdapat perbezaan dari aspek konsep dan tema, pengkaji dapat kebanyakan sekolah mempunyai ruang landskap yang mempunyai elemen tumbuh-tumbuhan. Dalam konteks kajian ini, konsep landskap yang ingin diketengahkan ialah mempunyai ciri-ciri yang mudah difahamai dan memberi makna kepada masyarakat. Hal ini kerana, konsep yang diketengahkan dalam landskap dipengaruhi oleh budaya dan latar belakang masyarakat. Menurut Salina, Mohamed Ali, Katiman dan Abd Hair Awang (2014) identiti sesebuah landskap dapat ditakrifkan sebagai ciri-ciri pengenalan tempat yang dapat diberi makna tertentu oleh seseorang individu yang berinteraksi dengan persekitaran fizikal tempat berkenaan. Hal ini bermakna, konsep landskap mempunyai hubungan dengan aktiviti persekitaran, budaya masyarakat setempat, bentuk muka bumi, seni dan warisan serta intelektual masyarakat yang berada pada ruang lingkup tersebut. Dengan adanya hubungkait antara landskap dengan kehidupan masyarakat setempat, perlunya membangunkan landskap yang berkonsepkan identiti budaya dengan mengaplikasikan elemen budaya dalam ruang landskap di sekolah. Aplikasi konsep identiti budaya ini dapat memberi pelbagai manfaat kepada masyarakat khasnya guru dan murid di sekolah. Antara manfaat daripada aplikasi identiti budaya ialah memberi pengetahuan kepada murid dan guru bahawa ruang langskap berpotensi untuk digunakan sebagai bahan bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini dijalankan untuk mengaplikasikan konsep identiti budaya setempat pada ruang landskap sekolah dengan bertemakan konsep tradisional. Elemen budaya seperti alat muzik kulundi, alat perisai, akan diketengahkan dalam bentuk arca tiga dimensi. Pembinaan taman akan dilaksanakan melalui kolaborasi antara murid, guru dan komuniti setempat. Kolaborasi ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada murid, guru dan komuniti bagaimana proses membangunkan taman yang berkonsepkan identiti budaya.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Reka bentuk landskap yang terdapat dalam kawasan sekolah tidak mempunyai identiti dan hanya direka berdasarkan keperluan dan kehendak semasa. Hal ini selaras dengan dapatan kajian oleh Salina, Mohamed Ali, Katiman & Abd. Hair Awang (2014) bahawa hanya 17.4 peratus landskap sekolah di Lembah Klang tidak mempunyai kesamaan dalam mana-mana kosep sebaliknya bercampur-aduk dan tiada identiti. Daripada dapatan kajian ini, landskap yang dibangunkan dalam kawasan sekolah masih memerlukan konsep dan identiti yang dapat menarik perhatian warga sekolah agar ruang landskap dapat digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Ketiadaan konsep dan identiti landskap sekolah di Malaysia disebabkan oleh beberapa faktor antaranya ialah kefahaman terhadap fungsi ruang landskap, pengurus landskap dalam kawasan sekolah dan kemampuan kewangan oleh sesebuah sekolah. Faktor pengurusan adalah perkara yang perlu dititik beratkan dalam memastikan ruang landskap sekolah dapat memberi fungsi kepada warga sekolah dan masyarakat. Disamping itu, kesedaran terhadap kepentingaan ruang landskap perlu ditingkat lagi agar masyarakat dapat memanfaatkan ruang tersebut. Persekutaran landskap di kawasan sekolah merupakan satu ruang yang dapat mempengaruhi pencapaian akademik murid-murid. Kajian yang dijalankan oleh Mohd Redzauddin (2008) mendapati bahawa sekolah yang mempunyai persekitaran yang selesa dan menarik turut memberi kesan positif terhadap pencapaian prestasi akademik pelajar. Hal ini menunjukkan persekitaran sekolah yang kondusif dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik murid-murid. Walaubagaimanapun, reka bentuk landskap sekolah yang kurang memberi penekanan terhadap aspek fungsi dan keperluan menyebabkan penggunaannya menjadi terhad dan tidak digunakan sepenuhnya oleh guru dan murid-murid. Elemen-elemen yang diwujudkan dalam ruang landskap sekolah lebih menekankan kepada nilai estetika sahaja. Hal ini menyebabkan persekitaran sekolah tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi tujuan pembelajaran. Oleh itu, landskap dalam kawasan sekolah perlu mempunyai reka bentuk yang menarik agar murid dan guru

berminat untuk menggunakan ruang tersebut dalam pengajaran dan pembelajaran. Elemen dalam ruang landskap perlu dinaik taraf dengan sesuai dengan situasi dan keadaan persekitaran sekolah. Seterusnya, ciri-ciri reka bentuk landskap tradisional semakin kurang diketengahkan dalam ruang landskap. Pelbagai cabaran yang dihadapi selari dengan kemajuan teknologi pada masa kini. Menurut Yahner (1995) dalam Hazel (2007) pembangunan pesat yang mempunyai kesamaan dari segi fungsi, skala dan nilai estetika menyebabkan kehilangan artifak-artifak warisan dalam sesuatu kawasan terutamanya artifak budaya di kawasan kediaman asal. Beliau juga menyatakan bahawa kehilangan ini menyebabkan ciri-ciri rekaan landskap tradisional semakin hilang dari pandangan masyarakat.

## **OBJEKTIF KAJIAN**


Berdasarkan tujuan kajian ini terdapat dua objektif dibentuk sebagai panduan dalam menjalankan kajian ini. Objektif kajian adalah seperti berikut:

- a. Memahami konsep identiti budaya setempat untuk diadaptasikan pada ruang landskap sekolah
- b. Menilai keberkesanan adaptasi konsep identiti budaya dalam reka bentuk landskap sekolah

## **METODOLOGI**

Kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji ialah kaedah kualitatif melibatkan kajian kes secara deskriptif. Menurut Othman Lebar (2006) penyelidikan kualitatif dijalankan dalam latar semulajadi dan penyelidik merupakan instrumen utama dalam mengumpul data dalam bentuk perkataan atau gambar, menganalisisnya secara induktif, memberi fokus kepada makna yang dibuat oleh partisipan kajian serta dijelaskan dalam bahasan yang ekspresif dan menarik. Pengumpulan data menggunakan instrumen temu bual, pemerhatian, kepustakaan dan kajian dokumen. Dapatkan kajian akan dianalisis secara diskritif iaitu menghuraikan dapatan kajian dalam bentuk melaporkan proses membangunkan lansdskap sekolah secara dokumentasi. Semua data yang diperolehi daripada temu bual, pemerhatian dan kajian dokumen telah direkod dan disimpan dalam *Microsoft Word* dan *Microsoft Excel*.

### Carta Aliran Metodologi



### Peserta Kajian

Kajian ini melibatkan murid, guru dan komuniti setempat di dalam kawasan kajian. Murid yang terlibat dalam kajian ini ialah murid darjah tiga, darjah empat dan murid darjah lima kesemuanya murid adalah seramai 10 orang. Pemilihan murid-murid sebagai peserta adalah selaras dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) iaitu enam ciri utama yang diperlukan oleh murid untuk bersaing di peringkat global dan salah satunya adalah identiti nasional. Dalam kajian ini, secara langsung ia dapat memberi penghayatan kepada murid-murid untuk menghargai kepelbagaiannya etnik dan budaya yang terdapat di Malaysia. Menurut Paton (1990) dalam Egmal Adin (2017) tidak ada

satu peraturan bagi menentukan saiz sampel kajian dalam kajian kualitatif. Seterusnya justifikasi pemilihan peserta ialah murid tahap satu yang terdiri daripada darjah satu dan dua masih belum sesuai melakukan kerja-kerja di luar kelas dan memerlukan perhatian sepenuhnya. Manakala murid tahun enam tidak dapat dijadikan sebagai peserta kerana mereka akan menghadapi ujian peperiksaan sekolah rendah (UPSR). Dengan itu, pengkaji tidak akan menganggu aktiviti pembelajaran mereka. Oleh itu, murid darjah tiga, empat dan lima sesuai untuk dipilih sebagai peserta dalam kajian ini. Pengkaji yakin bahawa murid-murid ini dapat memberi kerjasama dengan pengkaji semasa di lapangan kajian.

Selain itu, peserta kajian dipilih berdasarkan dalam kalangan individu yang berkeupayaan memberikan maklumat yang luas, mendalam dan mampu memberikan kepada pengkaji kerjasama sepanjang proses membangunkan taman budaya di sekolah. Peserta kajian ini adalah peserta yang berpotensi untuk memahami isu adaptasi identiti budaya setempat dalam reka bentuk landskap sekolah. Sehubungan dengan itu, seramai lima orang guru yang terlibat dalam kajian ini. Justifikasi pemilihan guru adalah berdasarkan pengetahuan dan pengalaman dalam bidang yang berkaitan dengan bidang seni visual. Menurut Merriam (2009) dalam Egmal Adin (2017) pemilihan informan atau sampel kajian adalah berdasarkan kepada keupayaannya untuk memberi maklumat sehingga tiada lagi maklumat baru yang dikemukakan atau bertindan iaitu sehingga data menjadi tepu. Kajian ini tidak melibatkan waktu pengajaran dan pembelajaran dalam kelas namun penglibatan guru adalah pada luar waktu sekolah dan berdasarkan kesesuaian masa yang guru-guru inginkan. Akhir sekali, peserta yang terdiri daripada komuniti setempat adalah seramai lima orang. Pemilihan peserta ini juga adalah berdasarkan pada pengetahuan mengenai identiti kaum Murut dan landskap di kawasan sekolah. Kesemua peserta ini adalah terdiri daripada beberapa peringkat umur. Tujuan pengkaji memilih peserta ini adalah untuk melengkapkan maklumat untuk menjawab persoalan dalam kajian ini. Semua peserta dalam kajian ini berjumlah 20 orang. Berikut merupakan latar belakang peserta yang terdiri daripada guru dan komuniti dalam kajian ini.

### **Latar Belakang Peserta Yang Terdiri Daripada Guru-Guru**

**Guru A:** Peserta merupakan Guru Besar di sekolah kebangsaan Nangkawangan Keningau Sabah. Beliau merupakan guru mata pelajaran bagi subjek Pendidikan Moral. Peserta ini berumur dalam lingkungan 50 hingga 60an.

**Guru B:** Peserta ini merupakan guru Pendidikan Seni Visual dan mempunyai pengalaman untuk membuat mural. Guru ini berumur dalam lingkungan 35 hingga 40an.

**Guru C:** Peserta merupakan seorang guru yang tegas dan mengajar subjek sains dan matematik. Umur peserta ini dalam lingkungan 30 hingga 40an.

**Guru D:** Peserta ini merupakan Guru Bahasa Inggeris dan merupakan seorang guru yang kreatif di sekolah kerana selalu membuat keceraian di sekolah dengan menggunakan bahan-bahan kitar semula.

**Guru E:** Peserta ini merupakan guru matematik di Sk Nangkawan. Semasa ditemu bual guru ini mempunyai pengetahuan dalam bidang motif-motif kaum Murut di Sabah.

### **Latar belakang peserta yang terdiri daripada komuniti**

**Individu A:** Peserta ini merupakan seorang yang mempunyai pengetahuan mengenai kebudayaan kaum Murut di kawasan kajian. Peserta ini berumur 47 tahun.

**Individu B:** Peserta ini mempunyai pengetahuan mengenai hasil kraftangan etnik Murut. Daripada kajian lapangan yang dijalankan oleh pengkaji, peserta ini mempunyai koleksi hasil kraftangan anyaman dengan motif-motif tertentu. Contohnya kraftangan anyaman buyung (tempat menyimpan barang seperti bakul). Peserta ini berumur 42 tahun.

**Individu C:** Peserta ini merupakan seorang pelajar yang baru tamat tingkatan lima dan sedang menunggu keputusan untuk sambung belajar. Peserta ini juga mempunyai pengalaman untuk membuat mural.

**Individu D:** Peserta ini merupakan seorang yang berpengalaman membuat kerja-kerja pertukangan. Beliau mempunyai pengalaman untuk membata dan menyimen. Peserta ini berumur 26 tahun.

**Individu E:** Peserta ini merupakan seorang pelajar dan mempunyai pengetahuan dalam bidang lukisan. Peserta ini berumur 18 tahun.

### Temu Bual

Temu bual adalah instrumen yang akan digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat secara langsung daripada peserta. Menurut Chua (2014) temu bual merupakan interaksi semula di antara penemu bual dan responden. Manakala Ghazalid dan Sufean (2018) menyatakan bahawa temu bual atau wawancara adalah proses untuk mendapatkan data dengan menemui seseorang atau satu kumpulan kecil secara bersemuka serta melakukan soal jawab atau berkomunikasi dua hala yang bertujuan untuk meminta pandangan, pendapat dan pengakuan daripada seseorang. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah temu bual tidak berstruktur dan temu bual semi struktur. Othman Lebar (2006) menjelaskan temu bual semi struktur adalah menggabungkan ciri-ciri fleksibiliti temu bual terbuka atau temu bual berstruktur. Manakala, Ghazali dan Sufean (2018) menjelaskan temu bual tidak berstruktur merupakan beberapa topik yang dicatat tanpa susunan tertentu atau temu bual yang dijalankan secara soalan terbuka tanpa dibina terlebih dahulu dan ditanya secara spontan dengan memberi jawapan mengikut pendapat dan tidak terikat dengan sebarang jawapan pilihan.

Pengkaji menjalankan temu bual semi struktur dengan menyediakan soalan dalam bentuk borang temu bual untuk diedarkan kepada responden yang terdiri daripada murid, guru dan komuniti. Sebelum bersemuka dengan peserta pengkaji telah menyediakan protokol temu bual dengan membuat surat kebenaran temu bual yang mengandungi tarikh dan tempat serta surat maklum balas daripada peserta. Temu bual akan dijalankan sebelum dan selepas proses membangunkan landskap di sekolah. Antara kandungan soalan temu bual sebelum proses membangunkan landskap ialah mengenai kesediaan guru untuk berkolaborasi dengan pengkaji, pengetahuan sedia ada tentang rekabentuk, konsep dan pelan landskap serta pengetahuan tentang elemen-elemen budaya. Seterusnya, soalan tentang kewajaran untuk mengadaptasikan identiti budaya dalam ruang landskap sekolah turut diajukan untuk melihat kefahaman responden mengenai konsep landskap yang akan dibangunkan. Manakala, soalan temu bual selepas membangunkan landskap adalah mengenai keberkesanan adaptasi identiti budaya setempat dalam ruang landskap sekolah. Berikut adalah soalan yang berkaitan dengan keberkesanan adaptasi identiti budaya. (a) Apakah yang anda faham daripada taman budaya yang dibangunkan dalam kawasan sekolah?, (b) Adakah taman budaya ini mempunyai perbezaan dengan taman yang ada di sekolah pada masa ini?, (c) Adakah taman budaya boleh digunakan oleh murid dan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran?, (d) Pada pendapat anda, dengan adanya elemen budaya seperti arca kulundi dan arca perisai dalam ruang landskap, adakah elemen tersebut mempunyai kepentingan kepada komuniti dan masyarakat luar? (Soalan untuk guru dan komuniti sahaja), (e) Apakah implikasi terhadap proses membina taman budaya dalam kawasan sekolah. Tujuan temu bual semi struktur dijalankan ialah pengkaji akan dapat maklumat yang berkesinambungan kerana pengkaji boleh membuat soalan susulan berdasarkan perkembangan maklumat yang diperolehi daripada peserta.

Hal ini selari dengan pendapat Gay dan Airasian (2000) dalam Ghazali dan Sufean (2018) bahawa temu bual separa struktur membenarkan soalan susulan dikemukakan berdasarkan jawapan yang diberikan untuk medapatkan informasi yang lebih jelas dan mendalam. Seterusnya temu bual tidak berstruktur adalah diajukan kepada komuniti dan murid agar mereka boleh menjawab soalan berdasarkan pengalaman dan pendapat secara terbuka mengenai taman mini yang akan dibangunkan. Temu bual tidak berstruktur akan dijalankan sepanjang proses membangunkan landskap. Pita rakaman telefon bimbit *oppo A77* digunakan untuk merekod setiap perbualan dengan peserta. Penggunaan pita rakaman ini lebih mesra dan mudah dibawa untuk merekod setiap data yang diperolehi daripada peserta. Temu bual tidak berstruktur dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan pada proses membangunkan landskap. Menurut Ghazali dan Sufean (2018) kebiasanya proses temu bual diadakan dalam dua fasa, fasa pertama adalah sesi pengenalan dengan infoman untuk mengadakan hubungan rapat melalui perbualan umum berkaitan dengan latar belakang dan hal-hal yang berkaitan dengan topik dan isu-isu yang berkaitan dengan soalan-soalan penyelidikan. Manakala fasa kedua ialah temu bual lebih berfokus kepada tujuan utama soalan.


Dalam kajian ini, sebelum temu bual dijalankan pengkaji akan mengadakan perjumpaan dengan peserta dengan membuat lawatan ke rumah komuniti setempat. Melalui kaedah ini, pengkaji akan dapat membuat hubungan yang baik dengan peserta. Di samping itu, pengkaji akan bertanya mengenai kesedian mereka untuk berkerjasama dengan pengkaji untuk membuat landskap di kawasan sekolah. Temu bual seterusnya lebih kepada fokus kajian. Soalan-soalan yang diajukan pada peringkat pertama ialah merangkumi pengetahuan sedia ada komuniti dan pelajar mengenai elemen identiti budaya, elemen dalam persekitaran sekolah dan kesediaan mereka untuk berkerjasama dengan guru dan pengkaji. Dapatkan temu bual ini membolehkan pengkaji mengetahui persediaan komuniti dan murid dalam membangunkan landskap di kawasan sekolah. Pengkaji juga dapat membuat persiapan awal dalam menyediakan bahan untuk memberi pendedahan kepada komuniti dan murid bagaimana rekabentuk landskap yang akan dibangunkan. Contohnya, pengkaji membuat model 3D rekabentuk landskap yang berkonsepkan identiti budaya setempat. Pengkaji mengetengahkan elemen-elemen budaya seperti alat muzik dan alat perisai. Melalui kaedah ini, komuniti dan murid mendapat pendedahan dan gambaran bagaimana konsep dan rekaan landskap yang akan dibangunkan. Rajah 1.1 menunjukkan model 3D sebagai memberi gambaran kepada komuniti mengenai konsep taman yang akan dibangunkan.



**Rajah 1.1:** Contoh model 3D landskap berkonsepkan identiti budaya

## **DAPATAN KAJIAN**

Konsep identiti budaya setempat dalam kajian ini mengambil kira latar belakang masyarakat yang mendiami kawasan kajian. Masyarakat yang tinggal di kawasan kajian majoriti adalah daripada kaum Murut. Masyarakat ini masih mengamalkan adat istiadat yang diwarisi daripada nenek moyang mereka seperti adat perkahwinan dan adat kematian. Adaptasi identiti budaya merangkumi elemen-elemen seni dan kebudayaan masyarakat setempat seperti alat muzik, kraftangan, motif-motif anyaman dan ukiran kayu. Dalam kajian ini, adaptasi identiti budaya dihasilkan dengan mengetengahkan replika alat muzik kulundi dan perisai dalam bentuk arca 3D pada ruang landskap sekolah. Sehubungan dengan itu, Elemen budaya yang dipilih untuk diadaptasikan pada ruang landskap sekolah ialah alat muzik kulundi dan persai. Elemen ini dipilih kerana ia menggambarkan latar belakang kaum Murut yang menduduki kawasan kajian. Gambar 1 dan Gambar 2 menunjukkan elemen budaya tersebut. Elemen ini diperolehi semasa penyelidik menjalankan pemerhatian semasa kajian lapangan.



**Gambar 1:** Motif alat perisai

Sumber: Ismail Ibrahim (2014)




**Gambar 2:** Kulundi

Selain itu, antara faktor pemilihan elemen budaya untuk diadaptasikan pada ruang landskap sekolah ialah memastikan elemen budaya tersebut mempunyai hubungan ataupun sangat sinonim dengan kehidupan komuniti setempat. Pemilihan elemen ini juga adalah berdasarkan pada kepentingan elemen budaya tersebut kepada komuniti dan warga sekolah. Kepentingan di sini bermaksud elemen yang dipilih dapat memberi maklumat dan pengetahuan kepada masyarakat sekeliling.


### Prosedur menggunakan landskap sekolah

Setelah elemen budaya dipilih. Proses seterusnya ialah membangunkan taman budaya mengikut fasa-fasa yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Tujuan setiap fasa ini untuk memberi panduan dan rujukan kepada semua peserta mengenai proses membangunkan taman budaya. Rajah 1.1 merupakan fasa-fasa dalam membangunkan taman budaya.




**Rajah 1.2:** fasa-fasa dalam membangunkan taman budaya.

### Fasa 1: Menyediakan pelan reka bentuk landskap



**Gambar 1:** Pelan konsep



**Gambar 2:** Pelan Induk

Proses merekabentuk pelan landskap dapat membantu pengkaji untuk memastikan teknik penghasilan arca tiga dimensi sesuai digunakan untuk mengadaptasi elemen budaya dalam ruang landskap,

memastikan pengkaji dan peserta dapat memahami secara mendalam mengenai konsep yang akan dibangunkan dan sebagai panduan semasa membuat kerja-kerja perlandskapan. Pengkaji yakin bahawa pelan konsep dan pelan induk dapat memberi penjelasan kepada peserta bagaimana pengkaji merekabentuk landskap yang berkonseptkan identiti budaya setempat.

### **Fasa 2: Menyediakan bahan dan alatan**

Anggaran alatan dan bahan yang digunakan semasa membangunkan landskap di sekolah.

Bil.	Peralatan dan Bahan	Kuantiti
1.	Pasir	10 Kilo
2.	Simen	20 Kilo
3.	Batu bata	25 Biji
4.	Dawai besi (kasar dan halus)	3 Meter
5.	Paip PVC	8 Batang
6.	<i>Player</i>	8 pcs
7.	Cat hitam, kuning dan putih	1 Tin
8.	Varnish	1 Tin
9.	Berus	10 Batang
10.	Paku	1 Kilo
12.	<i>Playwood</i>	1 Keping

### **Fasa 3: Membuat tapak arca**



**Gambar 3:** Mengukur tapak arca



**Gambar 4:** Menyimen tapak arca

### **Fasa 4: Membuat arca**

a). Proses membuat arca alat muzik kulundi



**Gambar 5:** Membentuk rangka arca



**Gambar 6:** membalut rangka arca



**Gambar 7:** Memastikan rangka arca lebih kemas



**Gambar 8:** Rangka arca telah siap



**Gambar 9:** Membuat motif pada arca



**Gambar 10:** Arca kulundi telah siap

b). Proses membuat arca perisai



**Gambar 11:** Mengukur saiz arca perisai



**Gambar 12:** Memotong plat zin



**Gambar 13:** Meletakkan tricle adhesive tape



**Gambar 14:** Motif yang telah siap



**Gambar 15:** Elemen budaya arca perisai

#### Fasa 5: Menanam bunga



**Gambar 16:** Murid menanam bunga orkid



**Gambar 17:** Komuniti menanam bunga ros japan

#### Fasa 6: Membuat mini pagar di kawasan taman budaya



**Gambar 18:** Memasang pagar kayu



**Gambar 19:** Murid mengecat pagar



**Gambar 20:** Lanskap berkonseptan identiti budaya setempat

### Keberkesanan adaptasi konsep identiti budaya

Taman budaya yang dibangunkan dalam ruang landskap sekolah bersama dengan murid, guru dan komuniti memberi pengalaman baru kepada peserta khasnya dalam membuat arca alat muzik kulundi dan perisai. Jadual berikut merupakan temu bual dengan peserta selepas membangunkan taman budaya di sekolah. Temu bual ini berkaitan dengan maklum balas mengenai keberkesanan taman tersebut kepada murid, guru dan komuniti setempat.

**Jadual 1.1:** Transkrip data temu bual selepas proses membangunkan taman budaya

Soalan Temu Bual	Kenyataan guru (Guru B)	Kenyataan komuniti (Individu C)	Kenyataan murid (Murid B)
1. Apakah yang anda faham daripada taman budaya yang dibangunkan dalam kawasan sekolah?	Apa yang cikgu faham, taman budaya ini dapat memberi maklumat kepada murid, guru dan masyarakat setempat mengenai identiti budaya khasnya murid- murid di sekolah.	Saya faham taman ni ada elemen identiti budaya seperti arca kulundi dan arca perisai.. saya baru tahu rupanya boleh pula buat kulundi buat guna arca..selain tu taman ni bagi faham macam mana proses membuat taman di sekolah.	Apa yang saya faham ..taman tu cantik, ada bunga dan arca, lepas tu kalau masa rehat di sekolah mesti kami singgah dekat taman tu dulu..tapi cikgu mesti bagitau jangan pegang-pegang ..kami mau tengo saja pun.
2. Adakah taman budaya ini mempunyai perbezaan dengan taman yang ada di sekolah pada masa ini?	Terdapat banyak perbezaan. Antaranya dari aspek rekabentuk landskap, konsep ataupun tema, di mana taman ini mempunyai elemen-elemen budaya seperti arca. Selain itu, taman ini juga terdapat penanaman khas untuk bunga.	Kalau dibandingkan taman yang ada di sekolah sekarang ada banyak jenis bunga, kalau taman yang baru dibuat tu ada arca kulundi, ada bunga juga..itu perbezaan yang saya nampak.	ya ada beza, kalau taman yang kami buat sama cikgu rony tu ada bunga, batu sama pasu bunga ja..tapi taman yang sekarang ni ada arca.

3. Adakah taman budaya boleh digunakan oleh murid dan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran?	Dalam proses pembelajaran, taman budaya boleh digunakan oleh guru sebagai bahan bantu mengajar contohnya, guru boleh menunjukkan kepada murid contoh rekabentuk alat muzik yang sebenar. Taman budaya juga dapat diaplikasikan oleh murid dalam pembelajaran secara teori	Pada pendapat saya, taman budaya sesuai digunakan oleh murid sama guru di sekolah dalam pembelajaran. Lagipun taman ni ada di ruang sekolah jadi senang untuk guru dan murid melawat taman ini semasa belajar.	Ya.. boleh sebab cikgu pernah bagi contoh sama kami, macam mana bentuk arca sama contoh tu alat muzik kulundi, cikgu juga ada bagi tahu kami contoh alat perisai tu macam dalam taman budaya.
4.Pada pendapat anda, dengan adanya elemen budaya seperti arca kulundi dan arca perisai dalam ruang landskap, adakah elemen tersebut mempunyai kepentingan kepada komuniti dan masyarakat luar? (Soalan untuk guru dan komuniti)	Bagi cikgu, elemen budaya yang ada dalam taman tu memang sesuai sebab ia sangat sinonim dengan latar belakang komuniti setempat..lepas tu, elemen budaya tu penting kerana ia menyedarkan komuniti bahawa elemen tersebut berpotensi untuk dijadikan sebagai simbol dan icon mengenai warisan dan kraftangan yang ada dalam etnik setempat.	Pendapat saya, arca dalam taman budaya tu penting bagi komuniti kerana melalui arca tersebut masyarakat luar dapat mengenal dan tahu latar belakang etnik Murut. Selain itu, arca tu juga melambangkan yang etnik kami mempunyai alat muzik dan kraftangan yang dibuat sendiri.	
5. Apakah implikasi terhadap proses membina taman budaya dalam kawasan sekolah?	Kesan daripada proses membangunkan taman budaya, guru mendapat pengetahuan cara- cara untuk membina taman yang mempunyai konsep ataupun tema. Taman ini juga memberi rasa tanggungjawab kepada murid untuk menghargai dan mengekalkan identiti budaya dan latar belakang mereka.	Daripada buat taman tu, saya dapat tahu bahan yang digunakan untuk buat arca dan lain- lain. bagi saya taman ini dapat menyedarkan komuniti untuk menghargai identiti..sama dapat pengalaman baru macam mana buat landskap.	Saya tahu macam mana buat arca..tanam bunga dalam pasu dan gaul simen dan pasir hehe.

Berdasarkan pada data temu bual ini, pengkaji membangunkan beberapa tema untuk dihuraikan selari dengan data yang diberikan oleh peserta kajian. Antara tema yang dibangunkan melalui data temu bual ini ialah kefahaman murid, guru dan komuniti mengenai tujuan landskap sekolah dibangunkan, kepentingan taman budaya kepada warga sekolah dan masyarakat serta implikasi taman budaya kepada warga sekolah. Berikut adalah huraian mengenai tema yang dibangunkan.

#### **Kefahaman guru, murid dan komuniti mengenai tujuan landskap sekolah dibangunkan**

Berdasarkan pada landskap yang dibangunkan kesemua peserta dapat memahami tujuan untuk membangunkan landskap di kawasan sekolah. Antaranya ialah taman budaya yang dibangunkan bertujuan untuk memberi pengetahuan kepada masyarakat melalui elemen-elemen yang terdapat

dalam ruang landskap tersebut. Contohnya, elemen arca dapat menggambarkan identiti komuniti setempat manakala motif yang dilukis menguatkan lagi makna disebalik rekabentuk arca tersebut. Selain itu, individu C menyatakan bahawa Taman Budaya yang dibangunkan mempunyai rekaan yang baru. Hal ini bermakna landskap sedia ada di kawasan sekolah mempunyai perbezaan dengan taman yang baru dibangunkan. Antara aspek yang berbeza ialah rekabentuk dan elemen-elemen dalam landskap. Contohnya, rekabentuk landskap sedia ada hanya terdapat elemen *softscape* seperti tanaman bunga-bungaan yang disusun mengikut keluasan taman tersebut. Seterusnya, elemen *handscape* hanya terdapat pasu bunga daripada pelbagai bahan seperti tayar dan kayu yang telah direka khas. Manakala, taman yang baru dibangunkan mempunyai elemen *softscape* iaitu pelbagai jenis tanaman bunga yang ditanam mengikut kesesuaian elemen *handscape* dalam tanam. Seterusnya, terdapat arca alat muzik dan arca kulundi dalam ruang landskap. Perbezaan ini memberi inovasi pada penghasilan landskap di kawasan sekolah. Seterusnya bagi murid D, taman yang baru dibina perlu dijaga dengan baik. Hal ini dinyatakan oleh murid D bahawa guru-guru tidak memberi kebenaran kepada murid-murid untuk memegang arca dalam taman jika tiada pengawasan daripada guru kerana bimbang ia akan rosak. Daripada pernyataan ini murid memahami kepentingan taman budaya yang dibangunkan.

### **Kepentingan taman budaya kepada warga sekolah dan masyarakat**

Terdapat beberapa kepentingan taman budaya ini kepada warga sekolah dan masyarakat. Antaranya ialah taman budaya melambangkan identiti mengenai komuniti yang tinggal dalam kawasan tersebut. Hal ini dapat dilihat melalui elemen yang diketengahkan dalam ruang landskap tersebut. Menurut daripada maklum balas komuniti (individu C).

“arca dalam taman itu penting kerana melalui arca tersebut masyarakat luar dapat  
mengenal dan tahu latar belakang etnik murut”

Daripada pernyataan ini, komuniti memahami bahawa taman budaya yang dibangunkan bukan sekadar untuk menceriakan kawasan sekolah tetapi mempunyai fungsi kepada masyarakat. Taman budaya yang dibangunkan disekolah adalah sebagai usaha untuk mengekalkan identiti budaya yang dimiliki oleh sesuatu masyarakat. Peredaran zaman pada masa kini banyak mempengaruhi usaha untuk memulihara warisan budaya. Dengan itu, kesedaran terhadap pentingnya untuk mengenal dan memelihara kebudayaan yang dimiliki oleh masyarakat perlu diwar-warkan melalui pelbagai medium dan salah satunya adalah melalui rekabentuk landskap. Semua pihak perlu bekerjasama dalam memastikan warisan kebudayaan dapat dikenalkan untuk kesinambungan generasi akan datang. Institut pendidikan memaparkan medium yang sesuai untuk memberi pendedahan kepada murid-murid dalam menghargai identiti budaya seperti yang terkandung dalam enam ciri yang digariskan oleh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) salah satunya adalah identiti Nasional. Dimana melalui aktiviti yang berkaitan dengan seni dan kebudayaan murid dapat menghargai dan menghayati kepelbagaiannya budaya dan etnik sejak dari sekolah rendah lagi. Taman Budaya yang dibangunkan dapat dijadikan sebagai bahan bantu mengajar disekolah. Bagi guru B, bahan bantu mengajar sangat penting untuk memberi kefahaman kepada murid-murid. Oleh itu, dengan adanya taman budaya ini, guru boleh menunjukkan kepada murid contoh-contoh arca tiga dimensi, alat muzik dan sebagainya. Selain itu, taman budaya yang dibangunkan dapat dijadikan sebagai sumber idea kepada murid dan guru dalam pembelajaran secara teori untuk mereka bentuk landskap. Seterusnya, taman budaya boleh dijadikan rujukan kepada guru. Menurut kenyataan murid D, guru-guru memberikan contoh mengenai alat perisai yang terdapat dalam taman budaya semasa sesi pembelajaran di dalam kelas. Hal ini bermakna warga sekolah memanfaatkan taman budaya yang dibangunkan dalam kawasan sekolah. Dapat dilihat bahawa guru dan murid mengaplikasikan pengetahuan yang diperoleh daripada taman budaya dalam pembelajaran harian. Lokasi taman budaya turut mempengaruhi kegunaan dan manfaatnya kepada warga sekolah. Kedudukan taman ini berada diantara bangunan sekolah dan kantin serta terdapat laluan utama dalam kawasan taman budaya yang menuju ke kantin dan kelas-kelas pelajar. Menurut kenyataan individu C kedudukan taman ini memudahkan guru dan murid menggunakan semasa proses pembelajaran kerana jaraknya yang dekat dengan sekolah. Taman budaya dapat memberi manfaat kepada warga sekolah dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Pelbagai kaedah yang boleh diaplikasikan oleh guru-guru dan murid

untuk dalam memahami topik pembelajaran khasnya dalam subjek pendidikan seni visual yang memerlukan contoh-contoh bahan wujud.

### **Implikasi taman budaya kepada warga sekolah**

Rekabentuk taman budaya yang dibangunkan merupakan inovasi dalam merekabentuk landskap di kawasan sekolah pada masa kini. Kedudukan elemen-elemen dalam taman budaya memberi idea kepada warga sekolah untuk membangunkan taman yang berkonsep tradisional. Hasil daripada inovasi ini, ia dapat melahirkan warga sekolah dan komuniti yang kreatif serta berkemahiran. Perubahan yang terdapat dalam rekaan landskap memberi pengetahuan kepada komuniti bahawa ruang landskap sekolah dapat dijadikan sebagai tempat istirehat yang bermaklumat. Seterusnya, persekitaran sekolah digunakan sepenuhnya oleh warga sekolah. persekitaran membawa maksud kawasan disekeliling suatu tempat. Dengan memaksimumkan penggunaan ruang di kawasan sekolah murid-murid dapat meneroka pelbagai bahan untuk diaplikasikan dalam pembelajaran teori di dalam kelas. Hal ini turut meransang minda murid untuk berfikir kreatif dan inovatif dalam menjana idea. Melalui taman budaya yang dibangunkan, murid secara langsung dapat melihat secara visual konsep taman tradisional yang menerapkan unsur-unsur kebudayaan. Kawasan sekolah merupakan tempat yang berpotensi untuk murid meneroka ilmu secara maksimum. Bukan sahaja di dalam kelas murid mendapat pengetahuan dan kemahiran malah kawasan luar bilik darjah turut menyumbang kepada peningkatan kemahiran murid. Dengan itu, melalui taman budaya yang dibangunkan murid dapat menambah pengetahuan tentang rekabentuk landskap, arca dan konsep tradisional.

### **Pengurusan landskap sekolah**

Berdasarkan pada penglibatan peserta dalam kajian ini, peserta dapat merujuk proses- proses membangunkan taman budaya sebagai panduan dalam merekabentuk landskap di kawasan sekolah pada masa akan datang. Antara panduan yang boleh dirujuk adalah proses merekabentuk pelan landskap. Dalam kajian ini peserta terlibat secara langsung semasa merekabentuk pelan buih, pelan konsep dan pelan induk. Kesemua pelan ini mempunyai maklumat yang boleh dijadikan sebagai panduan untuk membangunkan landskap yang berkonseptan identiti budaya. Penglibatan peserta turut memberi pengetahuan khasnya kepada guru-guru untuk mengurus dan menyelanggara kawasan persekitaran kawasan sekolah. Di mana guru-guru boleh merancang bersama-sama dengan komuniti untuk menaiktaraf kecerian persekitaran sekolah. Hal ini kerana, pengurusan di kawasan setelah perlu dilaksanakan dengan terancang agar ruang landskap dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Proses reka bentuk landskap dapat diketengahkan oleh Mohd Kher, Noorizan dan Mustafa Kamal (2008) iaitu menganalisis masalah, membuat pelan asas, mengenalpasti pengguna, mereka bentuk pelan, melakar pelan konsep dan pelan induk dapat membantu pengkaji membangunkan landskap berkonseptan tradisional. Aplikasi proses dalam membangunkan landskap terhadap kajian ini berkesan apabila digunakan secara berperingkat mengikut proses yang dinyatakan. Pengurusan keceriaan sekolah tidak akan berjaya jika hanya warga sekolah yang memainkan peranan. Warga Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru (PIBG) perlu melibatkan diri bagi memastikan program menceriakan kawasan sekolah dapat dilaksanakan dengan lancar. Dengan itu, melalui penglibatan komuniti dan guru dalam membangunkan taman budaya. Pelbagai aspek yang telah dipelajari bersama untuk dijadikan panduan dalam melaksanakan

## **PERBINCANGAN**

Proses membangunkan landskap yang berkonseptan identiti budaya memerlukan perancangan dan pengurusan yang teratur untuk memastikan landskap dapat dibangunkan dengan lebih terancang. Kaedah mereka bentuk landskap yang diaplikasikan oleh pengkaji berdasarkan kaedah yang dikemukakan oleh Lauri Macmillan Johnson, Kim Duffek and James Richards (2008) membantu pengkaji dalam merekabentuk taman budaya yang dibangunkan. Terdapat empat perkara yang dikemukakan oleh Lauri Macmillan Johsnon et. al (2008) semasa membangunkan taman *iaitu identify participants* (mengenalpasti peserta), *parents and community* (ibu bapa dan komuniti), *administrators*

(pengurusan), *maintenance personnel* (pihak penyelenggaran) dan *landscape architects* (arkitek landskap). Dalam kajian ini, antara yang diperolehi melalui reka bentuk landskap yang berkonsepkan identiti budaya setempat ialah memberi pengetahuan kepada masyarakat, menyuntik rasa cinta terhadap identiti budaya, menghargai warisan seni budaya serta memupuk sifat tanggungjawab untuk menjaga dan mengekalkan warisan budaya. Seterusnya, ruang landskap sekolah dapat dijadikan sebagai medium untuk mengekalkan identiti budaya setempat. Merujuk kepada konsep landskap yang dibangunkan iaitu konsep taman tradisional. Taman ini lebih mengutamakan fungsi kepada semua lapisan masyarakat khasnya kepada komuniti setempat dan warga sekolah. Melalui temu bual dengan murid, mereka merujuk elemen budaya yang terdapat dalam landskap semasa proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Manakala, guru-guru boleh menggunakan ruang landskap ini sebagai medium dalam pengajaran dan pembelajaran luar kelas. Seterusnya bagi komuniti, landskap budaya ini menambah pengetahuan dan memberi kesedaran bahawa mengekalkan identiti budaya adalah tanggungjawab bersama. Rekaan sesuatu landskap perlu mengambil kira persekitaran agar ia dapat memberi fungsi kepada masyarakat. Hal ini juga dikatakan oleh Intan Khasumarlina (2014) bahawa reka bentuk sesuatu taman itu amat memberikan manfaat kepada manusia jika ianya dapat meninggalkan kesan yang mendalam tidak hanya dari segi pandangan mata malahan rasa, sentuhan, pendengaran dan bau. Justeru itu, pembinaan taman masa kini banyak menitikberatkan faktor ini sebagai satu bonus kepada para pengunjung sekali gus memberikan keselesaan dalam pembinaan taman tersebut. Reka bentuk yang ringkas mendorong kepada keberkesanan adaptasi identiti budaya dalam ruang landskap sekolah. Landskap budaya yang dibangunkan dalam kawasan sekolah perlu mengambil kira beberapa faktor agar ia bersesuaian dengan keadaan persekitaran sekolah. Antaranya ialah faktor keceriaan sekolah, keselamatan para pelajar, ruang untuk pengajaran dan pembelajaran dan keadaan masyarakat setempat. Hal ini untuk memastikan konsep landskap budaya dapat memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat.

## KESIMPULAN

Aplikasi identiti budaya setempat dalam ruang landskap adalah usaha yang dilakukan bersama dengan pelbagai pihak. Tanggungjawab untuk memberi identiti pada ruang landskap haruslah dilakukan oleh semua pihak. Identiti penting dalam memperkenalkan latar belakang sesuatu etnik ataupun bangsa dalam sesuatu kawasan. Fungsi identiti kepada masyarakat penting untuk memberi kesedaran kepada masyarakat bahwa perlunya untuk mengekalkan warisan budaya demi generasi akan datang. Kajian ini memberi implikasi kepada masyarakat bahawa identiti budaya perlu dipelihara untuk diwarisi oleh generasi pada masa akan datang. Bukan sahaja di muzium dan pusat kebudayaan elemen budaya dipelihara tetapi ruang sekeliling masyarakat turut dapat dijadikan sebagai medium untuk memulihara dan memelihara elemen-elemen budaya. Kajian ini juga dapat meningkatkan kesedaran kepada masyarakat untuk menghargai dan mencintai warisan budaya. Seterusnya, adaptasi elemen budaya dalam reka bentuk landskap sekolah dapat memberi panduan kepada guru-guru untuk mengurus ruang landskap sekolah. Sehubungan dengan itu, pendidikan merupakan *agent* yang sinonim dalam memberi kesedaran kepada masyarakat untuk menghargai dan mencintai identiti budaya setempat. Melalui taman budaya yang dibina dalam ruang landskap sekolah, ia dapat memberi suntikan kepada masyarakat setempat bahawa identiti budaya berpontensi untuk diketengahkan dalam ruang landskap. Murid, guru dan komuniti akan mengaplikasi pengalaman semasa membangunkan taman budaya dalam kehidupan seharian. Dengan itu, sekolah adalah *agent* penyampai maklumat dan ilmu kepada masyarakat setempat. Kerjasama yang terjalin antara semua pihak merupakan faktor kejayaan dalam memastikan landskap yang berkonsepkan identiti budaya dapat dibangunkan.

## **RUJUKAN**

- Abd Hakim Mohad., & Ros Aiza Mohd Mokhtar. (2017). Agama dan budaya berpisah tiada: Tinjauan terhadap masyarakat Murut Tahol di Sabah. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 5(2).
- Abdul Halim Husain. (2007). *Identiti visual seni arca moden Malaysia dalam konteks kebudayaan*. Thesis Doktor Falsafah: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Chua Yan Piew. (2014). *Kaedah penyelidikan*. Selangor: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Cho Minsung., & Puteri Roslina Abdul Wahid. (2016). Penterjemahan budaya bukan kebendaan dalam teks terjemahan bahasa korea-bahasa Melayu. *Jurnal Melayu Bil. 15(2)*.
- Egmal Adin. (2017). *Ekspresi seni murid Penan dalam Pendidikan Seni Visual berdasarkan kebudayaan di Baram*. Tesis Doktor Falsafah (Pendidikan Seni) Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ghazali Darusalam., & Sufean Hussin. (2018). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan amalan dan analisis kajian*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hazreena Hussein., & Md Nasir Daud. (2013). *Taman sensori untuk kanak-kanak berkeperluan khas*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Julaihi Wahid. (2014). *Urbanisasi dan Perumahan di Malaysia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Intan Khasumarlina Mohd Khalid. (2014). “Healing Garden” sebagai Asas merekabentuk landskap masa kini. *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni ISSN 2289-4640 / Vol. 2*.
- Ismail Ibrahim. (2015). *Warisan motif dan corak Murut edisi ke tiga*. Sabah: Universiti Malaysia Sabah.
- Jacqueline Pugh Kitingan. (2019). Sama’ Bajau influences in makiang musical culture. *Borneo Research Journal, Special Issue 2019, 121-138*.
- Kntayyah M., & Paul Porodong. (2012). *Murut dan pelbagai etnik kecil lain di Sabah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan buku Malaysia.
- Lauri Macmillan Johnson., Kim Duffek., & James Richards. (2008). *Creating outdoor classrooms schoolyard habitats and Gardens for the Southwest*. United states of America: Universiti of texas press.
- Mohd Redzauddin Ismail. (2008). *Hubungan rekabentuk landskap sekolah dengan pencapaian prestasi akademik pelajar sekolah menengah besut Terengganu*. Thesis Sarjana: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Kher, H., Noorizan, M., & Mustafa Kamal, M. S. (2008). *Pengenalan kepada asas seni bina landskap*. Serdang:Universiti Putra Malaysia
- Naeemah Yusof., & Shahada Sharuddin. (2013). *Mencari identiti taman Malaysia*. Negeri Sembilan: Kolej Komuniti Jempol.
- Othman Lebar. (2017). *Nipis tapi kritis panduan mudah menulis soratan literatur kritis*. Selangor: MPWS Rich Publications Sdn. Bhd
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. (2012). *Pendidikan Pra Sekolah hingga lepas Menengah*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Saidatul Normis Mahali. (2017). *Pumpunan budaya peribumi di Sabah*: Sabah: Universiti Malaysia Sabah.
- Salina, Mohamed Ali., Katiman Rostam., & Abd. Hair Awang. (2014). *Ciri-ciri senibina landskap sekolah di Lembah Klang-Langat*: Malaysian Journal of Society and Space 10 issue 1 (118 - 129) 118 © 2014, ISSN 2180-2491.
- Sarieffudin Abdullah., Mansor Nor., Rizal Yusof., & Faridah Husain. (2017). *Konsep komuniti dan perkembangannya: Suatu tinjauan kritikal terhadap penggunaannya*: Journal of social sciences and humanities vol 12 no 3. UKM.
- Siti Uzairiah Mohd Tobi. (2018). *Kajian kualitatif dan analisis temu bual*. Reezqi Publication: Kuala Lumpur.